

SULIT



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

LEM/MAK/311 Tamb.1

17 November 2025

Untuk Kegunaan Rasmi Sahaja

STATUS RANG UNDANG-UNDANG PERLESENAN TENAGA ATOM (PINDAAN) 2025 (RUUTA)

Makluman daripada Setiausaha Eksekutif

TUJUAN

1. Kertas makluman ini disediakan adalah untuk memaklumkan kepada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) berhubung status Rang Undang-Undang Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025 (RUUTA).

LATAR BELAKANG

2. Parlimen Malaysia telah meluluskan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304] pada bulan April 1984 dan dikuatkuasakan pada 1 Februari 1985 bagi menggantikan Akta Benda-Benda Radioaktif 1968. Akta 304 menyediakan satu platform kawalan perundangan yang lebih menyeluruh dan memberi kuasa untuk mengawal pemasangan nuklear di samping kuasa lain yang diberikan di bawah Akta Benda-Benda Radioaktif 1968.

3. Sejak diwartakan pada tahun 1984, Akta 304 tidak pernah dipinda. Akta tersebut hanya memperuntukkan kawalan dan kawal selia dalam aspek keselamatan (*safety*) dan

SULIT

SULIT

sebahagian kecil aspek sekuriti (*security*) aktiviti tenaga atom. Selaras dengan perkembangan industri dan teknologi semasa, aspek keselamatan perlu ditambah baik. Peruntukan bagi aspek sekuriti dan kawal guna (*safeguards*) tenaga atom juga perlu disediakan secara jelas dalam Akta 304 supaya perundangan pengawalan aktiviti tenaga atom di Malaysia adalah komprehensif selaras dengan piawaian dan amalan terbaik antarabangsa.

4. Inisiatif untuk menggubal RUUTA bagi menambah baik Akta 304 telah dimulakan sejak tahun 2000. Jabatan Tenaga Atom sebagai peneraju telah mengambil inisiatif untuk meminda Rang undang-undang ini dengan penglibatan daripada pelbagai pihak berkepentingan seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Kesihatan, Malaysian Nuclear Power Cooperation (MNPC- telah dibubarkan), Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (kini dikenali sebagai Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (kini dipindahkan fungsi kepada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam serta Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air), Unit Perancangan Ekonomi (kini dikenali sebagai Kementerian Ekonomi).

5. Pada tahun 2002, Atom Malaysia mula menyediakan draf kerja RUUTA yang baharu dan lebih komprehensif bagi menggantikan Akta 304. Pada tahun 2005 dan 2010, pandangan dan input daripada Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) telah turut dirundingi supaya selaras dengan standard antarabangsa dan obligasi di bawah perjanjian, konvensyen atau triti antarabangsa yang berkaitan tenaga atom.

6. Penggubalan RUUTA telah melalui proses *Regulatory Impact Assessment* (RIA) bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas orang awam melalui platform atas talian, *Unified Public Consultation* (UPC) *Portal* yang disediakan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Maklum balas orang awam berhubung penggubalan RUUTA, implikasi kewangan dan implikasi perundangan daripada pelaksanaan RUU

SULIT

diambil maklum dan dilaporkan dalam *Regulatory Impact Statement* (RIS). Proses yang dilaksanakan ini adalah sebagai mematuhi *Good Regulatory Practice* yang digariskan dalam Dasar Negara bagi Amalan Baik Peraturan (NPGRP).

7. Pada tahun 2016, draf kerja RUUTA telah dikemukakan kepada AGC untuk semakan dan pernah disasarkan untuk dibentangkan di Mesyuarat Parlimen pada April 2018. Walau bagaimanapun, berikutan pertukaran polisi Kerajaan pada tahun 2018, mandat baharu perlu diperolehi bagi sebarang penggubalan rang undang-undang. Keputusan dasar yang dibuat oleh Kerajaan bagi penggubalan RUUTA diperincikan pada perkara 10 kertas makluman ini.

PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

Keperluan Rang Undang-Undang Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025

8. Penambahbaikan kepada Akta 304 bagi pengawalseliaan dan kawalan aktiviti tenaga atom di Malaysia adalah amat penting bagi:

- (i) menyediakan punca kuasa yang jelas bagi mengawal aspek sekuriti, kawal guna, penyahtauliah (*decommissioning*), kesediaan dan tindak balas kecemasan, pengurusan sisa radioaktif dan bahan api terpakai dan larangan terhadap pembangunan dan penggunaan senjata nuklear;
- (ii) menyediakan punca kuasa penguatkuasaan yang jelas di bawah Akta 304 untuk peruntukan kuasa penyiasatan, kuasa mengenakan kompaun, kuasa mengelak (*seal*), peruntukan mengenai pelupusan barangan yang disita, hukuman bagi kesalahan yang bersifat menghalang dan pengajaran kejadian, pelucutan hak apabila tiada pendakwaan dan jumlah penalti dinaikkan selaras dengan perkembangan semasa;

SULIT

- (iii) menyediakan peruntukan yang jelas bagi pengawalan terhadap agensi kerajaan bagi memastikan agensi kerajaan turut mematuhi keperluan berkaitan aspek keselamatan, sekuriti dan kawal guna serta mengelakkan tanggapan pemakaian *double standard* ke atas sektor swasta; dan
- (iv) membolehkan Malaysia memenuhi obligasi antarabangsa dan menjadi negara anggota kepada instrumen perundangan antarabangsa yang berkaitan dengan tenaga atom.

Objektif Rang Undang-Undang Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025

9. Objektif dan skop pelaksanaan RUUTA secara keseluruhannya adalah seperti berikut:

- (i) mengawal dan mengawal selia semua aktiviti tenaga atom untuk tujuan aman;
- (ii) mengadakan perlindungan yang mencukupi kepada pekerja, orang awam dan alam sekeliling daripada potensi kesan mudarat sinaran mengion;
- (iii) memastikan keselamatan aktiviti berkaitan bahan radioaktif, bahan nuklear dan kemudahan yang berhubungan dengan aktiviti tenaga atom;
- (iv) memastikan sekuriti terhadap bahan radioaktif, bahan nuklear dan kemudahan yang berkaitan dengan aktiviti tenaga atom;
- (v) mengadakan peruntukan untuk pemakaian langkah-langkah yang berkaitan untuk kawal guna bagi menghalang aktiviti melibatkan kecambahan senjata nuklear atau pembangunan senjata pemusnah besar-besaran; dan

SULIT

- (vi) mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara lain yang berhubung dengannya, selaras dengan obligasi dan resolusi Malaysia ke atas komitmen antarabangsa.

Keputusan Dasar Penggubalan Rang Undang-Undang Tenaga Atom (Pindaan) 2025

10. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 8 Julai 2020, semasa menimbangkan Memorandum daripada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi No. M252/2020, telah bersetuju secara prinsip supaya suatu rang undang-undang baharu diwujudkan bagi menggantikan Akta 304 untuk tujuan pengawalan keselamatan, sekuriti dan kawalgunaan tenaga atom. Namun begitu, bagi tujuan pelaksanaan keputusan tersebut, pihak Jabatan Peguam Negara telah menasihati agar penyediaan rang undang-undang baharu tersebut dibuat dalam bentuk rang undang-undang pindaan.

11. Seterusnya, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Mac 2021 telah bersetuju secara prinsip berhubung penambahbaikan terhadap tadbir urus dan skop RUUTA dengan kaedah pelaksanaan berikut:

- (i) penamaan semula Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 kepada Akta Tenaga Atom 1984;
- (ii) penamaan semula jabatan yang ditubuhkan sebagai Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) kepada Jabatan Tenaga Atom dengan mengekalkan sumber manusia dan aset sedia ada bagi mengambil alih kuasa pentadbiran dan fungsi Lembaga di bawah RUUTA;
- (iii) pemindahan kuasa kelulusan lesen yang pada masa ini diperuntukkan di bawah seksyen 15 Akta 304 bagi Lembaga yang menerajui LPTA kepada Ketua Pengarah Tenaga Atom;

SULIT

- (iv) pemansuhan Lembaga yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta 304;
- (v) penubuhan Majlis Penasihat di bawah RUUTA;
- (vi) penubuhan suatu tabung yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Sisa Radioaktif bagi mentadbir ses yang dikutip daripada pemegang lesen bagi memastikan ketersediaan peruntukan untuk pengurusan sisa radioaktif dan meminimumkan risiko beban tanggungan kewangan Kerajaan bagi tujuan tersebut; dan
- (vii) peluasan skop pelesenan bagi memastikan pengawalan ke atas aspek sekuriti (*security*) dan kawal guna (*safeguards*) di bawah RUUTA.

12. Sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan termasuk Kementerian dan Kerajaan Negeri telah dilaksanakan bagi menyelesaikan perkara yang terkait di peringkat dasar. Cadangan pemakaian dan implikasi RUUTA turut dibawa kepada Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri (MBKM) Ke-137 pada 23 November 2021 yang menyatakan persetujuan secara prinsip terhadap pemakaian RUUTA di peringkat negeri termasuk di bangunan dan premis Kerajaan Negeri.

Proses Kelulusan RUUTA Pada 2025

13. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 Ogos 2025 pula telah bersetuju RUUTA dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat, Parlimen Kelima Belas 2025. Bacaan pertama RUUTA telah dibentangkan oleh YB Menteri MOSTI dalam Dewan Rakyat pada sebelah pagi 21 Ogos 2025 di Parlimen Malaysia. Bacaan kedua dan ketiga RUUTA telah dibahaskan serta digulungkan oleh YB Menteri MOSTI dalam Dewan Rakyat pada sebelah petang 25 Ogos 2025 di Parlimen Malaysia dan RUUTA

SULIT

telah diluluskan dalam Dewan Rakyat, Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat, Parlimen Kelima Belas 2025 pada hari yang sama.

14. Susulan itu, bacaan pertama RUUTA telah dibentangkan oleh YB Menteri MOSTI dalam Dewan Negara pada 2 September 2025 dan RUUTA telah diluluskan dalam Dewan Negara pada 8 September 2025 setelah bacaan kedua dan ketiga oleh YB Menteri MOSTI. RUUTA yang telah diluluskan dalam Parlimen Malaysia adalah seperti di **Lampiran 1**.

Hala Tuju RUUTA Selepas Kelulusan Parlimen Malaysia

15. RUUTA yang telah diluluskan Parlimen Malaysia ini sedang dalam tindakan Jabatan Peguam Negara bagi mendapatkan Perkenan Diraja dan seterusnya diwartakan. Di samping itu, Mesyuarat Pasca-Kabinet MOSTI pada 10 September 2025 telah memutuskan tarikh kuat kuasa RUUTA adalah pada 1 Disember 2025.

16. Cadangan untuk RUUTA dikuat kuasa pada 1 Disember 2025 dengan pengecualian beberapa peruntukan seperti berikut telah dibentangkan kepada YB Menteri MOSTI dalam Mesyuarat Pasca-Kabinet MOSTI pada 15 Oktober 2025 dan secara dasarnya YB Menteri MOSTI tiada halangan terhadap cadangan ini:

- (i) peruntukan mengenai permit di bawah seksyen baharu iaitu 12A, 16A dan 17A;
- (ii) peruntukan mengenai jaminan kewangan di bawah pindaan seksyen 18;
- (iii) peruntukan mengenai Kumpulan Wang Sisa Radioaktif di bawah seksyen baharu iaitu 28B dan 28C; dan

SULIT

- (iv) peruntukan mengenai pengkompaunan kesalahan di bawah seksyen baharu 40A

17. Pengecualian peruntukan pada perkara 16 daripada dikuat kuasa pada 1 Disember 2025 adalah mengambil kira keperluan untuk penyediaan peraturan dan perintah yang berkaitan terlebih dahulu. Sehubungan itu, untuk peruntukan melibatkan permit akan dilaksanakan mengikut Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Perlesenan) 1986 sedia ada. Manakala bagi perkara melibatkan kutipan ses di bawah Kumpulan Wang Sisa Radioaktif akan dilaksanakan melalui syarat lesen yang dikenakan di bawah seksyen 17 Akta 304 dan bagi pengkompaunan kesalahan akan dibuat dengan pemakaian Kesalahan Am di bawah seksyen 40 Akta 304.

SYOR

18. Justeru itu, adalah disyorkan supaya Mesyuarat Lembaga mengambil maklum berhubung status Rang Undang-Undang Perlesenan Tenaga Atom (Pindaan) 2025.